



---

## **SURAT PEKELILING KEWANGAN BILANGAN 4 TAHUN 2024**

---

# **PINDAAN PERATURAN ASET TAK KETARA (ATK) DI UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA (UTeM)**

**Pejabat Bendahari**

9 Februari 2024

**Disalinkan kepada :**

Naib Canselor

Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)

Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)

Pegawai-Pegawai Kanan

# UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

UTeM.100-1/3/5 ( 47 )

9 Februari 2024

## SURAT PEKELILING KEWANGAN BIL. 4/2024

### PINDAAN PERATURAN ASET TAK KETARA (ATK) DI UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA (UTeM)

#### 1.0 TUJUAN

- 1.1 Pindaan Peraturan Aset Tak Ketara (ATK) ini adalah untuk menambahbaik polisi perakauan bagi pengurusan Aset Tak Ketara untuk mematuhi keperluan piawaian *Malaysian Public Sectors Accounting Standards* (MPSAS) dan seterusnya dihebahkan kepada warga Universiti untuk memberi panduan kepada PTj mengenai Peraturan Aset Tak Ketara Di Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM).

#### 2.0 LATARBELAKANG

- 2.1 Pejabat Bendahari telah mengeluarkan Surat Pekeliling Kewangan Bilangan 5 Tahun 2019 mengenai penguatkuasaan Peraturan Kewangan dan Perakaunan Universiti (PKPU) berkaitan Pengurusan Aset Tak Ketara.
- 2.2 Kementerian Pendidikan Malaysia (kini dikenali sebagai Kementerian Pendidikan Tinggi) telah mengeluarkan arahan melalui surat yang dikeluarkan pada 1 Mac 2019 mengenai pemakaian *Malaysian Public Sectors Accounting Standards* (MPSAS) oleh Badan Berkanun Persekutuan dengan menggunakan piawaian perakaunan MPSAS mulai tahun 2020. Antara piawaian yang perlu dipatuhi dan disediakan adalah Pengurusan Aset Tak Ketara.

- 2.3 Sehubungan itu, Pejabat Bendahari mengambil inisiatif untuk mewujudkan polisi perakaunan bagi pengurusan Aset Tak Ketara untuk mematuhi keperluan piawaian perakaunan MPSAS. Bagi tujuan pematuhan piawaian perakaunan, peraturan sedia ada perlu dipinda selaras dengan keperluan MPSAS.

### **3.0 PINDAAN PERATURAN PENGURUSAN ASET TAK KETARA**

- 3.1 Pindaan yang dilaksanakan ini adalah untuk memastikan pematuhan ke atas keperluan MPSAS dan menyelesaikan isu berbangkit terhadap operasi pelaksanaan peraturan sedia ada.

- 3.2 Pindaan yang telah dilaksanakan adalah seperti berikut:

- 3.2.1 Manual Had Kuasa (MHK) terhadap kelulusan pelupusan ATK setelah penentuan nilai pendaftaran yang dipinda.

- 3.2.2 Peraturan pengurusan Aset Tak Ketara, Bab C berkaitan :

- i) Pendahuluan
- ii) Penerimaan
- iii) Pendaftaran
- iv) Penggunaan, Penyimpanan & Pemeriksaan
- v) Penyelenggaraan
- vi) Pindahan
- vii) Pelupusan
- viii) Kehilangan dan Hapus Kira

- 3.2.3 Penambahbaikan borang dalam pengurusan Aset Tak Ketara

- i) Pindaan pada borang sedia ada dengan mengambil kira isu yang dibangkitkan dalam penggunaan semasa dan semakan dengan borang asal.
- ii) Borang yang dibatalkan adalah disebabkan penyelarasan dan pengemaskinian borang-borang sedia ada dengan pelaksanaan terbaharu.

3.2.4 Pindaan peraturan Pengurusan Aset Tak Ketara boleh dicapai melalui laman sesawang Pejabat Bendahari iaitu :  
<https://pkpu.utem.edu.my/index.php/4-0-bahagian-pengurusan-aset-universiti-pa/bab-c-pengurusan-aset-tak-ketara>

#### 4.0 Tarikh kuatkuasa

4.1 Semua PTj hendaklah memastikan Surat Pekeliling Kewangan ini dipatuhi sepenuhnya.

4.2 Surat Pekeliling ini berkuatkuasa mulai ia dikeluarkan.

Sekian, terima kasih.

**“MALAYSIA MADANI”**

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

**“KOMPETENSI TERAS KEGEMILANGAN”**

Saya yang menjalankan amanah,



**SABARINA BINTI ABDULLAH**

Bendahari

Universiti Teknikal Malaysia Melaka